

TERMA RUJUKAN
BIRO PEMBANGUNAN KOMPETENSI (BPK)
JAWATANKUASA KETUA-KETUA AUDIT DALAM UNIVERSITI AWAM (JKAD UA)

1. PENGENALAN

- 1.1 Mesyuarat MBKAD Bil. 3/2013 pada 7 November 2013 telah memutuskan penggabungan dua (2) jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Latihan Audit Dalam IPTA dan Jawatankuasa Lawatan kepada Jawatankuasa Kompetensi dan Hubungan Luar yang berfungsi terhadap jalinan *networking* dengan industri serta badan profesional berkaitan pengauditan.
- 1.2 Mesyuarat JKAD Bil.2/2016 5.1 (c) telah bersetuju dengan pemilihan terma “Biro Pembangunan Insan (BPI)” untuk menggantikan penggunaan terma “Jawatankuasa Kompetensi dan Hubungan Luar”.
- 1.3 Mesyuarat JKAD Bil. 3/2016 3.6 (b) telah bersetuju dengan pemilihan nama “Biro Pembangunan Kompetensi (BPK)” untuk menggantikan penggunaan nama “Biro Pembangunan Insan (BPI)”.

2. OBJEKTIF

Menyediakan peluang perkongsian pengetahuan, amalan terbaik dan pengalaman serta pembangunan kapasiti melalui keberkesanan program latihan yang dirancang.

3. FUNGSI


- 3.1 Menyediakan peluang latihan dan kursus kepada Audit dalam Universiti Awam bagi meningkatkan kompetensi.
- 3.2 Menggalakkan perkongsian ilmu dan pengalaman untuk menerima pakai amalan terbaik dan piawaian profesional.
- 3.3 Mengusahakan penjana pendapatan kepada JKAD melalui aktiviti dan program pembangunan kapasiti dan perkongsian pengetahuan.
- 3.4 Merangka dan melaksanakan program kompetensi bagi mencapai objektif ditetapkan.

- 3.5 Menjalinkan hubungan dengan badan profesional dan bukan profesional serta memantapkan hubungan tersebut.
- 3.6 Membekalkan informasi.
- 3.7 Medium komunikasi.

4. KOMPOSISI DAN KEAHLIAN

- 4.1 Keahlian Biro adalah dari kalangan ahli JKAD UA.
- 4.2 JKAD UA boleh melantik atau menukar mana-mana ahli sekiranya difikirkan perlu.
- 4.3 Pengerusi dan ahli mesyuarat adalah dilantik oleh JKAD UA dan tempoh pelantikannya adalah selama dua (2) tahun atau tertakluk kepada JKAD UA.

5. STRUKTUR BPK



6. MESYUARAT

- 6.1 Mesyuarat jawatankuasa diadakan mengikut keperluan tugas sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun.
- 6.2 Kuorum : Sekurang-kurangnya 2/3 ahli
- 6.3 Timbalan Ketua Biro akan mempengerusikan mesyuarat semasa ketiadaan Ketua Biro
- 6.4 Ahli JKAD UA yang lain boleh menghadiri mesyuarat tersebut mengikut undangan Biro.
- 6.5 Pemberitahuan untuk mengadakan mesyuarat hendaklah dimaklumkan kepada ahli sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 6.6 Hasil keputusan mesyuarat akan dilaporkan kepada JKAD UA.
- 6.7 Minit mesyuarat disedia, diedar dan disahkan.